

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2014

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

LANGKAH PENJIMATAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang langkah-langkah penjimatan bagi Universiti Malaysia Pahang selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam mulai 1 Januari 2014.

LATARBELAKANG

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk berbelanja secara berhemat, Universiti mengambil langkah-langkah penjimatan yang sama sebagai satu permulaan positif bagi tahun 2014. Dengan berbelanja secara sederhana dan berhemat, dana Universiti boleh digunakan untuk program-program yang memberi impak yang lebih menguntungkan terutama bagi pengajaran dan pembelajaran termasuk meningkatkan mutu perkhidmatan Universiti secara keseluruhannya.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

3.1 . Langkah-langkah penjimatan yang ditetapkan oleh Universiti adalah seperti berikut:

- (i) Pengurangan 5 hingga 10 peratus elaun keraian pegawai Gred Jawatan Utama Sektor Awam C (JUSA C) ke atas;
- (ii) Pengurangan lima peratus kos utiliti elektrik;
- (iii) Pengurangan RM50 hingga RM100 atau 30 peratus kemudahan bayaran tol bagi pegawai Gred JUSA C ke atas;
- (iv) Pembekuan permohonan baru bagi pengubahsuaian ruang pejabat;
- (v) Mengetatkan pelantikan juru perunding untuk projek fizikal kerajaan termasuk menjalankan kajian kesesuaian, manakala cadangan pelantikan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dipengerusikan KSN untuk kelulusan;
- (vi) Pengurangan penggunaan syarikat pengurusan acara dan pemberian cenderamata untuk penganjuran persidangan atau majlis Universiti membabitkan staf Universiti serta penjawat awam lain;
- (vii) Pindaan kelayakan tiket penerbangan domestik dan antarabangsa. Ia termasuk penggunaan kelas ekonomi sektor domestik bagi pegawai Gred JUSA C ke bawah;
- (viii) Mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau sebarang acara rasmi Universiti;
- (ix) Pengurangan penggunaan kain pemedang bagi penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau acara rasmi Universiti;
- (x) Mengoptimum penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis; dan
- (xi) Mengguna pakai pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan kemudahan di institusi latihan milik kerajaan bagi penganjuran kursus, seminar serta bengkel.


3.2 Bagi maksud perincian 11 langkah di atas, garis panduan akan dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari setelah diluluskan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) bagi memastikan semua langkah-langkah penjimatan yang ditetapkan adalah selari dengan operasi dan matlamat Universiti.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Bendahari ini berkuat kuasa mulai 2 Januari 2014.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

6 Januari 2014

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar